



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2025
FEBRUARI

**TENAGA
BURUH** LAPORAN
STATISTIK



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

FEBRUARI 2025

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 11 April 2025

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) melalui pendekatan isi rumah. Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)* dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh merupakan input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi Februari 2025 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

April 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

MUKA
SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	iii
Akronim	v
Infografik	vi
Nota Penerangan	viii

Sorotan Utama	1
1. Pengenalan	2
2. Penduduk Bekerja	2
3. Pengangguran	4
4. Tenaga Buruh	5
5. Luar Tenaga Buruh	7
6. Menuju ke Hadapan	7

Senarai Jadual

Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2023	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Keempat 2024	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2024	A-4
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2024	A-5
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2024	A-6
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2024	A-7
Jadual C(i)	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari ^r 2024, Februari ^r 2024, Disember ^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025	A-10
Jadual C1	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan bermusim, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2024	A-11
Jadual C1(i)	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan bermusim, Malaysia, Januari ^r 2024, Februari ^r 2024, Disember ^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025	A-14

ISI KANDUNGAN

Jadual C2	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Disember 2024	A-15
Jadual C2(i)	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari ^r 2024, Februari ^r 2024, Disember ^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025	A-17
Jadual C3	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Disember 2024	A-18
Jadual C3(i)	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari ^r 2024, Februari ^r 2024, Disember ^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025	A-20
Jadual C4	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Disember 2024	A-21
Jadual C4(i)	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari ^r 2024, Februari ^r 2024, Disember ^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025	A-23
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2023	A-24
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2023	A-25
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2023	A-27
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Februari 2024 - Februari 2025	A-28

GLOSARI

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Gunna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiarai dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Gunna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan gunna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:
	Pekerja mahir:
	1. Pengurus;
	2. Profesional; dan
	3. Juruteknik dan professional bersekutu.
	Pekerja separuh mahir:
	4. Pekerja sokongan pengkeranian;
	5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
	6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
	7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
	8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.
	Pekerja berkemahiran rendah:
	9. Pekerjaan asas.

GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan Tentera.

- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
- Pekerja : Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
- Pekerja keluarga tanpa gaji : Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
- Penganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Penganggur aktif : Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
- Penganggur tidak aktif : Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
- Tenaga buruh : Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM

E&E	: Elektrik dan elektronik
HGHV	: <i>High-Growth and High-Value</i>
HLIB	: Hong Leong Investment Bank Bhd.
ILO	: <i>International Labour Organization</i>
IP	: Indeks Pelopor
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
NETR	: Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara
NIMP	: Pelan Induk Perindustrian Baharu
r	: <i>Revision</i>
STB	: Survei Tenaga Buruh



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAA MALAYSIA

TENAGA BURUH MALAYSIA, FEBRUARI 2025

Kadar pengangguran kekal 3.1 peratus pada Februari 2025, merekodkan 532.8 ribu penganggur

PENGANGGURAN

FEBRUARI 2025



Bilangan penganggur

532.8 ribu



Kadar pengangguran

3.1%


Kadar pengangguran bulan Februari kekal pada 3.1 peratus seperti pada bulan sebelumnya

FEB' 2024
556.9
ribu

JAN 2025
533.8
ribu

FEB' 2024
3.3%
JAN 2025
3.1%

Pengangguran mengikut kategori



- Penganggur aktif ● Penganggur tidak aktif
- **FEB 2025 : 422.7 ribu**
JAN 2025 : 423.6 ribu
FEB' 2024 : 442.9 ribu
- **FEB 2025 : 110.1 ribu**
JAN 2025 : 110.2 ribu
FEB' 2024 : 114.1 ribu

PENDUDUK BEKERJA

FEBRUARI 2025

PENDUDUK BEKERJA

Bilangan penduduk bekerja

16.73 juta



Nisbah guna tenaga kepada penduduk

68.5%




FEB' 2024
16.27
juta

JAN 2025
16.68
juta

FEB' 2024
68.2%
JAN 2025
68.5%

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



Kategori pekerja merangkumi 75.2 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Februari 2025.

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh


17.27
juta

FEBRUARI
2025



Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

70.7%



FEB' 2024
70.5%
JAN 2025
70.6%

70.7%

Kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada 70.7 peratus

KPTB mengikut jantina

Lelaki
83.2%

Wanita
56.3%

LUAR TENAGA BURUH

JAN 2025

7.15 juta

FEB 2025

7.15 juta

+16%

-0.02%

Sebab utama berada di luar tenaga buruh adalah berikut kerja rumah/tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/
tanggungjawab keluarga
43.7%



Bersekolah/latihan
41.6%

Nota :

• Peratus perubahan (tahun ke tahun)

• Peratus perubahan (bulan ke bulan)

• mp Mata peratus

• Tidak berubah

• Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan 2020



@ StatsMalaysia
[@StatsMalaysia](https://www.stats.gov.my)



20 Oktober



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KONSEP DAN DEFINISI

Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh International Labour Organization (ILO).

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, turning point dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/ berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaras kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.



@StatsMalaysia



20 Oktober

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA PENERANGAN

Bermula dengan penerbitan Laporan Statistik Tenaga Buruh (STB), Januari 2025, statistik utama tenaga buruh dianggarkan berdasarkan anggaran penduduk semasa Malaysia.

Semakan semula siri data STB dilaksanakan apabila data Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2020 yang terkini telah tersedia. Data banci ini kemudiannya digunakan untuk semakan semula siri data STB bagi meliputi maklumat tambahan yang tersedia daripada Banci Penduduk dan Perumahan terkini. Proses penggabungan penanda arasan populasi yang disemak semula ini dirujuk sebagai '*rebasing*'. Pada masa yang sama, semakan semula dilaksanakan kepada data STB bagi bulan Januari hingga Disember 2024 secara berperingkat bermula dengan data bulan Januari, Februari dan Disember.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN UTAMA

- Bilangan **penduduk bekerja** terus menunjukkan peningkatan pada bulan Februari 2025, meningkat sebanyak **0.3 peratus (+49.7 ribu orang)** kepada **16.73 juta orang** (Januari 2025: 16.68 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, tidak berubah iaitu pada **68.5 peratus** seperti pada bulan sebelumnya.
- Mengikut sektor ekonomi, sebahagian besar guna tenaga adalah tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, terutamanya dalam aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend guna tenaga yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, dan Pertanian, manakala bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian menurun.
- Kategori **pekerja** merangkumi **75.2 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan Februari 2025, mencatatkan peningkatan sebanyak **0.2 peratus (+27.2 ribu orang)** kepada **12.59 juta orang** (Januari 2025: 12.56 juta orang). Pada masa yang sama, bilangan **penduduk yang bekerja sendiri** juga bertambah sebanyak **0.6 peratus (+19.6 ribu orang)** kepada **3.13 juta orang** (Januari 2025: 3.11 juta orang).
- Pada bulan tersebut, bilangan **penganggur** berkurang sebanyak **0.2 peratus (-1.0 ribu orang)** daripada 533.8 ribu orang pada Januari 2025 kepada **532.8 ribu orang** pada Februari 2025. **Kadar pengangguran** bulan Februari kekal pada **3.1 peratus** seperti pada bulan sebelumnya.
- Pada Februari 2025, bilangan **tenaga buruh** terus meningkat dengan pertambahan sebanyak **0.3 peratus (+48.7 ribu orang)** kepada **17.27 juta orang** (Januari 2025: 17.22 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada **70.7 peratus**, meningkat sebanyak **0.1 mata peratus** daripada 70.6 pada bulan sebelumnya.
- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan Februari 2025 mencatatkan penurunan sedikit iaitu sebanyak **0.02 peratus (-1.7 ribu orang)** kepada **7.15 juta orang** (Januari 2025: 7.15 juta orang). Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah berikutan **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga**, merangkumi **43.7 peratus**, diikuti oleh sebab **bersekolah/ latihan** iaitu pada **41.6 peratus**.
- Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh kemajuan berterusan dalam projek jangka panjang, peningkatan pendapatan isi rumah dan keadaan monetari global yang mereda. Selain itu, struktur ekonomi negara yang pelbagai dan polisi yang menyokong telah mempengaruhi kedudukan pasaran buruh negara pada bulan tersebut. Kerajaan turut melaksanakan pembaharuan untuk meningkatkan keterangkuman tenaga kerja, mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing, dan menggalakkan automasi dan mekanisasi. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan produktiviti. Oleh itu, prospek pasaran buruh Malaysia dilihat meyakinkan pada bulan-bulan akan datang, disokong oleh dasar dan pelaburan yang mantap dalam industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV).

1 PENGENALAN

KEDUDUKAN TENAGA BURUH NEGARA KEKAL STABIL PADA FEBRUARI 2025, SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI SEMASA YANG MENGGALAKKAN

Ekonomi Malaysia berada dalam kedudukan yang stabil dan berkembang pada Februari 2025. Selaras dengan situasi ini, tenaga buruh negara terus menunjukkan prestasi yang lebih baik pada bulan tersebut, disokong oleh prospek ekonomi dan perniagaan yang bertambah baik. Berikutan ekonomi terus berkembang maju, ia telah menggalakkan perniagaan berkembang, menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada pencari kerja. Peluang-peluang ini telah mendorong permintaan buruh yang berterusan untuk menyokong kapasiti operasi industri. Justeru, ia telah merangsang pasaran buruh dan menggalakkan lebih ramai individu untuk masuk ke dalam pasaran.

Tambahan pula, ekonomi Malaysia turut menunjukkan daya tahan, disokong oleh permintaan eksport yang teguh, yang seterusnya mengukuhkan lagi tenaga buruh negara pada Februari 2025. Hong Leong Investment Bank Bhd. (HLIB Research) telah menyatakan bahawa pertumbuhan Malaysia kekal utuh, didorong oleh pengembangan berterusan dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, disokong oleh permintaan pengguna yang berdaya tahan dan aktiviti pelaburan yang teguh, dan pertumbuhan berterusan dalam eksport elektrik dan elektronik (E&E)¹. Oleh itu, banyak industri mengambil peluang untuk meningkatkan pengeluaran mereka bagi memenuhi permintaan eksport, terutamanya dalam produk E&E.

Permintaan yang kukuh terhadap produk E&E telah terbukti menjadi pemacu utama untuk pewujudan pekerjaan di Malaysia, baik dalam sektor Pembuatan langsung dan sampingan, serta menyumbang kepada tenaga kerja mahir negara. Sektor E&E yang semakin berkembang telah mewujudkan kedua-dua pekerjaan kolar biru dan kolar putih, dalam memacu pertumbuhan ekonomi melalui inovasi teknologi dan transformasi digital. Oleh itu, tenaga buruh Malaysia memperoleh manfaat yang besar daripada kemajuan teknologi yang berlaku, sekaligus membentuk negara menjadi lebih berdaya saing dalam ekonomi global sambil menangani keperluan industri moden yang semakin berkembang. Justeru, kedudukan tenaga buruh negara kekal stabil pada Februari 2025, selaras dengan perkembangan ekonomi semasa yang menggalakkan.

Sementara itu, Indeks Pelopor Malaysia (IP) meningkat sebanyak 0.4 peratus tahun ke tahun, kepada 112.5 mata pada Januari 2025 (Januari 2024: 112.1 mata), mengekalkan pertumbuhan positifnya untuk empat belas bulan berturut-turut. Sementara itu, prestasi IP bulanan menunjukkan penurunan sebanyak 1.2 peratus pada Januari 2025. Berdasarkan arah aliran jangka panjang terlicin pada Januari 2025, kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Januari 2025 kekal di bawah 100.0 mata, menjangkakan prospek pertumbuhan ekonomi yang sederhana, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan walaupun pasaran antarabangsa yang mencabar. Bagi indikator perdagangan luar negeri bulanan pada Februari 2025 bagi eksport dan import, kedua-duanya mencatatkan penurunan bulan ke bulan, masing-masing sebanyak 3.7 peratus (Januari 2025: -11.3%) dan -11.3 peratus (Januari 2025: -0.2%).

2 PENDUDUK BEKERJA

Bilangan penduduk bekerja terus menunjukkan peningkatan pada Februari 2025

Bilangan **penduduk bekerja** terus menunjukkan peningkatan pada bulan Februari 2025, meningkat sebanyak **0.3 peratus (+49.7 ribu orang)** kepada **16.73 juta orang** (Januari 2025: 16.68 juta orang).


¹ <https://www.nst.com.my/business/economy/2025/02/1176067/malaysias-economy-solid-amid-global-headwinds-say-analysts>

Dari segi anggaran pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja naik sebanyak 0.5 peratus. Secara tahunan, penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.9 peratus atau bersamaan dengan 468.3 ribu orang (Februari^r 2024: 16.27 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, sebahagian besar guna tenaga adalah tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, terutamanya dalam aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend guna tenaga yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, dan Pertanian, manakala guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian menurun.

Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, tidak berubah iaitu pada **68.5 peratus** seperti bulan sebelumnya. Berbanding dengan bulan yang sama tahun lalu, nisbah tersebut meningkat sebanyak 0.3 mata peratus daripada 68.2 peratus pada Februari^r 2024 [Carta 1].


Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari^r 2024, Februari^r 2024, Disember^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Kategori **pekerja** merangkumi **75.2 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan Februari 2025, mencatatkan peningkatan sebanyak **0.2 peratus (+27.2 ribu orang)** kepada **12.59 juta orang** (Januari 2025: 12.56 juta orang). Pada masa yang sama, bilangan **penduduk yang bekerja sendiri** juga bertambah sebanyak **0.6 peratus (+19.6 ribu orang)** kepada **3.13 juta orang** (Januari 2025: 3.11 juta orang). Kategori ini terutamanya adalah terdiri daripada pekerja harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil [Carta 2].

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2025 dan Februari 2025



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara berkurang kepada **85.4 ribu orang** pada bulan Februari 2025, mencatatkan penurunan **4.3 peratus** atau bersamaan dengan **3.9 ribu orang** (Januari 2025: 89.3 ribu orang). Secara tahunan, bilangan ini meningkat sebanyak 1.2 peratus (+1.0 ribu orang) daripada 84.4 ribu orang pada Februari¹ 2024. Kumpulan ini terdiri daripada individu yang tidak dapat bekerja buat sementara namun tidak diklasifikasikan sebagai penganggur, kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.


3 PENGANGGURAN

Kadar pengangguran bulan Februari kekal pada 3.1 peratus

Pada bulan tersebut, bilangan **penganggur** berkurang sebanyak **0.2 peratus (-1.0 ribu orang)** daripada 533.8 ribu orang pada Januari 2025 kepada **532.8 ribu orang** pada Februari 2025. **Kadar pengangguran** bulan Februari kekal pada **3.1 peratus** seperti pada bulan sebelumnya. Berdasarkan terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur menurun sebanyak 0.3 peratus, mencatatkan kadar pengangguran 3.1 peratus.

Secara tahunan, bilangan penganggur juga menunjukkan trend menurun, dengan pengurangan sebanyak 4.3 peratus (-24.1 ribu orang) berbanding dengan 556.9 ribu orang pada Februari¹ 2024. Oleh itu, kadar pengangguran menurun sebanyak 0.2 mata peratus berbanding 3.3 peratus yang dicatatkan pada bulan yang sama tahun lalu [Carta 3].

Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, Januari¹ 2024, Februari¹ 2024, Disember¹ 2024, Januari 2025 dan Februari 2025




Nota: ¹ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Mengikut kategori pengangguran, **79.3 peratus** daripada jumlah penganggur pada bulan Februari 2025 adalah mereka yang aktif mencari pekerjaan atau **penganggur aktif**. Kategori ini turun sebanyak **0.2 peratus (-0.8 ribu orang)** kepada **422.7 ribu orang** (Januari 2025: 423.6 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, **63.7 peratus** adalah mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan**, manakala mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun**² merangkumi **5.6 peratus** [Carta 4].

Pada masa yang sama, **penganggur tidak aktif**, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia terus menurun dengan pengurangan sebanyak **0.1 peratus (-0.1 ribu orang)** merekodkan **110.1 ribu orang** (Januari 2025: 110.2 ribu orang).

² Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment)
https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf


Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur bagi penganggur aktif, Januari 2025 dan Februari 2025



Nota: ¹ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Pada bulan tersebut, kadar pengangguran bagi belia yang berumur **15 hingga 24 tahun** kekal pada **10.3 peratus**, mencatatkan **298.9 ribu penganggur belia** (Januari 2025: 10.3%; 299.3 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur **15 hingga 30 tahun** kekal pada **6.3 peratus**, dengan **401.6 ribu penganggur belia** (Januari 2025: 6.3%; 402.4 ribu orang) [Carta 5].

Carta 5: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, Januari¹ 2024, Februari¹ 2024, Disember¹ 2024, Januari 2025 dan Februari 2025



Nota: ¹ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020


4 TENAGA BURUH

KPTB yang lebih tinggi direkodkan pada Februari 2025 iaitu pada 70.7 peratus

Pada Februari 2025, bilangan **tenaga buruh** terus meningkat dengan pertambahan sebanyak **0.3 peratus (+48.7 ribu orang)** kepada **17.27 juta orang** (Januari 2025: 17.22 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu **70.7 peratus**, naik sebanyak **0.1 mata peratus** daripada 70.6 peratus pada bulan sebelumnya. Dari segi data pelarasan bermusim, tenaga buruh bertambah sebanyak 0.3 peratus, dengan KPTB sebanyak 70.7 peratus.

Tahun ke tahun, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.6 peratus atau bersamaan dengan 444.3 ribu orang, berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Februari^r 2024: 16.82 juta orang). Oleh itu, KPTB naik sebanyak 0.2 mata peratus daripada 70.5 peratus yang direkodkan pada Februari^r 2024 **[Carta 6]**.

Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, Januari^r 2024, Februari 2024, Disember^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025




Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan mencatatkan peningkatan pada bulan Februari 2025. **Tenaga buruh lelaki** naik kepada **10.87 juta orang** daripada 10.84 juta orang pada Januari 2025, manakala **tenaga buruh perempuan** bertambah kepada **6.40 juta orang** daripada 6.38 juta orang pada bulan sebelumnya. Dari segi KPTB, **KPTB lelaki** kekal pada **83.2 peratus** seperti pada bulan lalu, manakala **KPTB perempuan** meningkat sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **56.3 peratus** (Januari 2025: 56.2%).

Secara tahunan, tenaga buruh lelaki bertambah sebanyak 3.4 peratus, berbanding 10.51 juta orang pada Februari^r 2024. Sementara, tenaga buruh perempuan meningkat sebanyak 1.3 peratus daripada 6.32 juta orang pada Februari^r tahun lalu. Oleh itu, KPTB lelaki meningkat sebanyak 0.1 mata peratus daripada 83.1 peratus, manakala KPTB bagi perempuan kekal pada 56.3 peratus seperti yang direkodkan pada Februari^r 2024 **[Carta 7]**.

Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, Januari^r 2024, Februari^r 2024, Disember^r 2024, Januari 2025 dan Februari 2025




Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

5 LUAR TENAGA BURUH

Sebab utama berada di luar tenaga buruh adalah berikut kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan Februari 2025 mencatatkan penurunan sedikit iaitu sebanyak **0.02 peratus (-1.7 ribu orang)** kepada **7.15 juta orang** (Januari 2025: 7.15 juta orang). Tahun ke tahun, bilangan penduduk di luar tenaga buruh meningkat sebanyak 1.6 peratus (+114.1 ribu orang) daripada 7.04 juta orang pada Februari¹ 2024. Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah berikut **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga**, merangkumi **43.7 peratus**, diikuti oleh sebab **bersekolah/ latihan** iaitu pada **41.6 peratus** [Carta 8].

Carta 8: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Januari 2025 dan Februari 2025



Nota: ¹ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

6 MENUJU KE HADAPAN

Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh kemajuan berterusan dalam projek jangka panjang, peningkatan pendapatan isi rumah dan keadaan monetari global yang mereda. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka berkembang antara 4.5 peratus dan 5.5 peratus tahun ini, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan projek berbilang tahun yang berterusan³. Kadar inflasi yang terkawal, dengan kadar yang diunjur mencatatkan purata antara 2.0 peratus hingga 3.5 peratus.

Pewujudan projek berbilang tahun yang berterusan serta dasar dan insentif mesra perniagaan yang mensasarkan sektor utama seperti teknologi, pelancongan, dan perniagaan berorientasikan eksport dilihat akan meningkatkan aktiviti pelaburan⁴. Selain itu, inisiatif utama, contohnya, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, dijangka merangsang pelaburan jangka sederhana.

Oleh itu, struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai dan polisi yang menyokong telah mempengaruhi kedudukan pasaran buruh negara pada bulan tersebut. Kerajaan turut melaksanakan pembaharuan untuk meningkatkan keterangkuman tenaga kerja, mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing, dan menggalakkan automasi dan mekanisasi. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan produktiviti.

³ <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/24/malaysias-economy-to-grow-45-55pc-in-2025-inflation-manageable-says-bank-negara/170678>

⁴ <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2025/03/25/malaysia-economic-growth-to-remain-resilient-in-2025---rhb-ib>

Di samping itu, polisi seperti pelarasan gaji untuk penjawat awam dan kenaikan gaji minimum telah menyumbang kepada kedudukan pasaran buruh yang menggalakkan. Pelaburan dalam pendidikan dan industri di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dijangka menjana pekerjaan baharu dan menangani stagnasi upah⁵.

Walaupun cabaran seperti ketidaksepadanan kemahiran berterusan, tumpuan strategik Malaysia terhadap dasar perindustrian yang didorong oleh inovasi dan fleksibiliti pasaran buruh memupuk tenaga kerja yang dinamik dan kompetitif⁶. Inisiatif seperti program peningkatan kemahiran dan insentif yang bersasar dilihat akan meningkatkan lagi kesesuaian dan kecekapan tenaga kerja. Oleh itu, prospek pasaran buruh Malaysia dilihat meyakinkan pada bulan-bulan akan datang, disokong oleh dasar dan pelaburan yang mantap dalam industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV).

⁵ <https://euera.org/labor-market-insight-malaysian-budget-2025-the-final-sprint-under-the-framework-of-the-12th-malaysia-plan/>

⁶ <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2405619>

JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA
FEBRUARI 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2023

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	('000)		(%)
						Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran	
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7	3.4	
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2	3.8	
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0	5.0	
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0	5.6	
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2	7.4	
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7	7.3	
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0	7.2	
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4	5.7	
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6	4.5	
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5	3.7	
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8	4.1	
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7	3.1	
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6	2.5	
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0	2.4	
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2	3.2	
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0	3.4	
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4	3.0	
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6	3.5	
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1	3.5	
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9	3.6	
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1	3.5	
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0	3.5	
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0	3.3	
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2	3.2	
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6	3.3	
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6	3.7	
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6	3.3	
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5	3.1	
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6	3.0	
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2	3.1	
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7	2.9	
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8	3.1	
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4	3.4	
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7	3.4	
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0	3.3	
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4	3.3	
2020 ^r	15,406.0	14,719.4	686.6	7,105.2	68.4	65.4	4.5	
2021 ^r	15,532.8	14,825.2	707.6	7,102.3	68.6	65.5	4.6	
2022 ^r	15,769.7	15,155.2	614.5	7,000.7	69.3	66.6	3.9	
2023	16,366.8	15,813.4	553.4	6,997.8	70.0	67.7	3.4	

Nota:

1. ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

2. Indikator Survei Tenaga Buruh bagi tahun 2019 dan sebelumnya masih menggunakan data anggaran penduduk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Keempat 2024

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	('000)		(%)
						Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran	
2010								
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6	
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3	
